

24/05/1997

BPR terus siasatan terhadap Eric Chia

SHAH ALAM, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis meneruskan siasatan terhadap bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia berhubung kerugian syarikat berkenaan yang berjumlah kira-kira RM2.9 bilion.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Perdana Menteri memutuskan demikian selepas menerima dan meneliti hasil siasatan awal yang diserahkan BPR kepadanya.

Bagaimanapun, beliau belum mendapat laporan terkini daripada BPR atau polis berhubung perkembangan terbaru siasatan itu.

"Laporan awal sudah disampaikan kepada Perdana Menteri dan beliau sendiri mengarahkan supaya perkara ini (siasatan) dilanjutkan, diteruskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai kesenian dan seni bina Islam bertemakan Echoes of Infinity di Institut Teknologi Mara, di sini, hari ini.

Beliau mengulas perkembangan terbaru siasatan BPR dan polis terhadap Perwaja. Baru-baru ini, akhbar melaporkan penafian BPR dan polis berhubung dakwaan kononnya Eric Chia sudah ditahan bagi membantu siasatan.

BPR menyerahkan laporan awal yang dikatakan turut membabitkan soal siasat dengan pihak tertentu di Hong Kong yang dipercayai mempunyai kaitan dengan beberapa projek Perwaja.

Ditanya sama ada perjumpaan dengan pegawai BPR, semalam turut membincangkan perkembangan siasatan Perwaja, Anwar berkata perjumpaan itu tiada kaitan dengan Perwaja.

(END)